

1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum Kedatangan Barat

1. Ciri-ciri negara bangsa Alam Melayu terdiri daripada raja, undang-undang, wilayah pengaruh dan rakyat.

(a) Nyatakan kerajaan Alam Melayu yang muncul di Alam Melayu sebelum kedatangan Barat.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Jelaskan ciri negara bangsa berikut :

(i) Raja

(ii) Rakyat

[4 markah]

(c) Bagaimana generasi muda menunjukkan kesetiaan kepada raja dan negara?

1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran Dan Undang-Undang

2 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai dua undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat, iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

(a) Apakah tujuan kedua-dua undang-undang tersebut diperkenalkan?

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Jelaskan kedua-dua undang-undang tersebut berkaitan dengan kesalahan jenayah.

[4 markah]

(c) Mengapakah undang-undang penting kepada sesebuah masyarakat pada hari ini?

[4 markah]

1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat

3 Masyarakat dalam Kesultanan Melayu Melaka terbahagi kepada dua, iaitu golongan pemerintah dan diperintah.

(a) Senaraikan golongan diperintah.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(b) Jelaskan peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

[4 markah]

(c) Hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat sangat penting dalam sesebuah negara. Jelaskan.

[4 markah]